

Tingkat keupayaan kilang²

Program guna bahagian m-sikal buatan tempatan



■ DATUK SERI DR. MAHATHIR

'KERAJAAN akan melancarkan program penggunaan bahagian jentera kenderaan yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan (LCP) bagi industri motosikal mulai tahun depan.

Program ini bertujuan meningkatkan keupayaan kilang-kilang tempatan mengeluarkan berbagai bahagian motosikal bagi memenuhi keperluan industri itu di masa depan.

ia akan dilaksanakan menurut prinsip pencapaian matlamat penggunaan bahagian yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan mengikut kadar nilai dan

KUALA LUMPUR, Selasa

peratus dalam jangkamasa yang dibahagikan kepada empat fasa.

Butir-butir mengenai pelaksanaan program LCP ini diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu sidang akhbar di sini hari ini.

Pilihan

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan Kerajaan berpendapat masanya tiba untuk melancarkan program itu memandangkan bilangan terhad jenis dan model motosikal yang dipasang di sini tahun lalu.

Katanya, 113,900 unit motosikal terdiri dari empat jenis dan 16 model dipasang di kilang-kilang tempatan sepanjang tahun lalu.

Beliau menjelaskan program LCP itu hanya meliputi industri motosikal sahaja dan tidak meliputi perusahaan skuter dan kereta di negara ini.

Bagaimanapun, tambah Datuk Seri Dr. Mahathir pekilang tempatan yang mengeluarkan skuter akan diberi pilihan untuk mematuhi satu program LCP yang berlainan.

Beliau berkata fasa pertama akan mula berkuatkuasa mulai 1 Januari tahun depan dengan pencapaian matlamat kadar penggunaan LCP 15 peratus.

"Fasa kedua akan bermula pada tahun 1982 hingga 1983 dengan pencapaian matlamat 30 peratus, fasa ketiga mulai tahun 1984 dengan matlamat 45 peratus dan akhir sekali fasa keempat mulai tahun 1985 dengan matlamat 60 peratus," tambahnya.

Menurutnya, Kerajaan telah menyenaraikan 19 komponen dan bahagian kenderaan yang perlu digunakan dalam pengeluaran motosikal oleh pekilang tempatan di bawah fasa pertama.

Di antaranya termasuk tayar dan bateri, palang pencucur, rantai, kebel brek, kebel speedometer dan rim roda.

"Kerajaan berpendapat matlamat kadar penggunaan yang ditetapkan di bawah fasa pertama adalah mudah dicapai kerana pekilang tempatan menggunakan kira 10 peratus komponen tempatan termasuk tayar dan tiub serta bateri dalam pengeluaran motosikal yang dipasang di sini sekarang.

"Kerajaan juga yakin pelaksanaan program ini akan dapat mewujudkan galakan yang diperlukan bagi perkembangan pelaburan baru dalam bahagian-bahagian jentera yang ditetapkan di bawah program ini," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata banyak faedah yang dijangka dinikmati oleh rakyat melalui pelaksanaan program itu termasuk pengwujudkan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. 11, 335
No. 3